

07 SEP 1998

DR MAHATHIR RASMI SYMPO '98

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pembukaan pesta pameran terbesar di Malaysia, SYMPO `98, berhampiran Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil di sini malam ini.

Terletak dalam lingkungan 500 meter dari tempat acara Sukan Komanwel dan meliputi kawasan lebih tujuh hektar, SYMPO `98 antara lain akan mempamerkan makanan Malaysia, produk, kebudayaan, pendidikan dan hiburan.

Acara itu diadakan sempena Sukan Komanwel XVI dan orang ramai bukan sahaja akan dapat menyaksikan temasya sukan itu tetapi juga pesta itu yang bermula Khamis dan berakhir pada 22 Sept.

Pesta yang bertemakan "Malaysia Dalam Pertunjukan" itu berkonsep "ada sesuatu untuk setiap orang."

Ia akan dibuka mulai tengah hari hingga tengah malam dari Isnin hingga Khamis dan mulai 10 pagi hingga tengah malam pada Jumaat, hujung minggu dan hari kelepasan am.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Shariff kemudian melawat beberapa tempat di karnival itu.

Di antara tempat-tempat yang dilawati ialah pertubuhan korporat dan syarikat perniagaan yang mempamerkan keluaran dan perkhidmatan mereka, Pusat Perubatan Sympo, Mickey's World of Fun, dan juga kawasan konsert terbuka.

Dr Mahathir turut menghadiri jamuan makan malam yang diadakan bersempena upacara perasmian itu.

Terdahulu Pengerusi Sympo 98' Datuk Abdul Rahman Hamzah dalam ucapannya berkata karnival itu bertujuan untuk memasarkan keluaran tempatan dan memberi sokongan kepada kempen "Beli Barangan Tempatan".

Lebih dari 100 gerai mengambil bahagian dalam karnival itu.

-- BERNAMA

HS KHY RI